

31/01/2001

Tengku Adnan serah keputusan kepada PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor menyerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan sama ada perlu baginya melepaskan jawatan sebagai Setiausaha Kerja Umno.

Tengku Adnan yang mengangkat sumpah jawatan sebagai Timbalan Menteri di Istana Negara di sini hari ini berkata, ini kerana Dr Mahathir yang melantik beliau untuk jawatan berkenaan.

"Biarlah Perdana Menteri selaku Presiden Umno menentukan kedudukan saya itu," katanya ketika dihubungi di sini.

Tengku Adnan yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan ditanya sama ada jawatan barunya di Putrajaya itu akan membebaskan tugas selaku Setiausaha Kerja di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ini kerana mesyuarat Umno peringkat cawangan dan pemilihan peringkat bahagian sudah hampir tiba yang memerlukan pemantauan ibu pejabat parti dari masa semasa.

Bagaimanapun, beliau yang mula dilantik sebagai Setiausaha Kerja Umno sejak 1999 berkata soal masa tidak timbul baginya dan ia juga bukan satu bebanan yang tidak boleh dipikul.

"Kita kena pandai membahagikan masa apatah lagi saya biasa bekerja sehingga 16 jam satu hari. Soal kerja, tidak timbul masalah bagi saya," katanya.

Mengenai skop tugasnya selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tengku Adnan berkata ia akan hanya diketahui esok selepas mesyuarat Kabinet.

"Mungkin saya diberitahu apakah tugas-tugas yang patut saya jalankan dalam mesyuarat selepas Kabinet di JPM esok," katanya.

Berikutan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri itu, Tengku Adnan yang juga seorang ahli korporat akan meletakkan jawatannya dalam pelbagai syarikat, termasuk yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Akhbar ini minggu lalu memetik beliau sebagai berkata bahawa peletakan jawatan berkenaan akan dibuat secara berperingkat sebagai mematuhi keperluan bahawa seseorang yang memegang jawatan dalam Kabinet, perlu melepaskan kepentingan perniagaan.

Tengku Adnan adalah pengerusi Hyumal Motor Sdn Bhd (Hyumal Motor), iaitu pengedar kenderaan siap bina (CBU) Hyundai di Malaysia dan pengerusi eksekutif Quasar Carriage Sdn Bhd - syarikat pemegang francais dan pengedar tunggal kenderaan Renault dari Perancis.

Selain itu, beliau adalah pengarah Industri Otomobil Komersil (M) Sdn Bhd (Inokom), syarikat yang terbabit dalam pengeluaran kenderaan komersil ringan tempatan dan pengerusi kumpulan Dancom Telecommunication (M) Sdn Bhd.

Beliau juga mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam sekurang-kurangnya tujuh syarikat yang disenaraikan di BSKL.

Antaranya, Bridgecon Holdings Bhd, Digi.Com Bhd, Dijaya Corporation Bhd, Magni-Tech Industries Bhd, Mol.Com Bhd, Transwater Corporation Bhd dan TT Resources Bhd.

(END)